

## PENGENALAN

Dalam ilmu sejarah Asia Tenggara, pengetahuan tentang Kerajaan Srivijaya baru muncul mulai abad ke-20 apabila ia mula disebut oleh George Coedes pada tahun 1918 melalui karyanya *Le Royaume de Crivijaya*.<sup>1</sup> Penemuan Srivijaya ini merupakan hasil transliterasi sebuah tempat dalam rekod Dinasti Tang (619-906M), iaitu 'Shih-li-fo-shih' sebagai Srivijaya yang merupakan sebuah kerajaan yang terletak di Tenggara Sumatera di tebing Sungai Musi, Palembang.<sup>2</sup> Dalam merekonstruksikan sejarah Srivijaya ini, George Coedes dan para sarjana lain bersetuju bahawa Srivijaya merupakan sebuah kerajaan maritim yang hebat, muncul pada abad ke-7 dan berakhir pada penghujung abad ke-13. Andaya pula menggambarkan Srivijaya sebagai "a prosperous emporium for local products as well as those from India, western Asia and China, and was renowned for its patronage of Mahayana Buddhism"<sup>3</sup>

### Permasalahan Tentang Kajian Sejarah Srivijaya

Sejak Srivijaya menjadi tumpuan para sarjana, ia telah menjadi salah satu kontroversi yang paling panjang dalam kajian sejarah Asia Tenggara.<sup>4</sup> Hal ini kerana, jumlah sumber yang terhad iaitu hanya bergantung pada penemuan prasasti dan rekod-rekod catatan dari sumber China, India dan Arab ini telah menimbulkan pelbagai interpretasi oleh para sarjana.<sup>5</sup> Ini menyebabkan penyusunan pensejarahan kerajaan Srivijaya sedia ada kelihatan terputus-putus malah sebahagian besar persoalan tentang Srivijaya masih belum ditemukan bukti dan jawapan yang boleh dipersetujui oleh majoriti para sarjana. Sebagai contoh, melihat kepada petikan Nia Kurnia dalam karyanya *Kerajaan Sriwijaya: Pusat Pemerintahan dan Perkembangannya*,

---

<sup>1</sup> Berbeza dengan kerajaan Majapahit apabila namanya tetap hidup dalam berbagai-bagai cerita rakyat, nama kerajaan Srivijaya benar-benar lenyap dalam ruang sejarah. Lihat Nia Kurnia Sholihat Irfan, *Kerajaan Sriwijaya: Pusat Pemerintahan dan Perkembangannya*, Jakarta: Girimukti Pasaka, 1983, Hlm 11

<sup>2</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 20

<sup>3</sup> Ibid

<sup>4</sup> Ibid

<sup>5</sup> O. W. Wolters, *Perdagangan Awal Indonesia: Satu Kajian Asal Usul Kerajaan Srivijaya* (Koesalah Soebagyo Toer, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989, Hlm 2-8

“Masalah yang paling menonjol ialah masalah lokasi ibu kota Srivijaya yang sudah lama dibicarakan oleh para sarjana. Selain itu, masih banyak sejarah Srivijaya yang perlu diteliti. Bilakah kerajaan itu mula berdiri? Bilakah runtuhnya? Daerah mana yang pernah menjadi daerah kekuasaan Srivijaya?”<sup>6</sup>

Walaupun fokus kajian pengkaji bukanlah untuk membahaskan setiap sisi persoalan yang telah ditimbulkan oleh para sarjana, namun pada pengkaji, terdapat satu persoalan penting yang perlu dijelaskan terlebih dahulu iaitu masalah lokasi ibu kota Srivijaya. Ini kerana, ia merupakan asas perbincangan yang penting supaya kelak akan dapat memahami pendirian pengkaji dalam menghujahkan apakah sebenarnya yang telah menjadi pemangkin kepada kemunculan kerajaan Srivijaya sebagai sebuah empayar maritim pada abad ke-7.

Perdebatan umum para sarjana adalah kekeliruan sama ada lokasi ibu kota Srivijaya, terletak di Palembang atau Jambi. Terdapat para sarjana seperti Quaritch Wales<sup>7</sup> dan Profesor Dr Sukmono<sup>8</sup> yang tidak bersetuju dengan kenyataan Coedes bahawa Srivijaya beribu kota di Palembang sebaliknya lebih memilih untuk mempercayai Jambi sebagai ibu kota Srivijaya yang kedudukannya dilihat lebih strategik. Ini kerana, “tiap kapal, dari dan ke India, Jawa, dan Hindia Belakang/Tiongkok, harus melalui Teluk Jambi berbanding Palembang yang terletak terlalu jauh di selatan Selat Melaka”<sup>9</sup> Pengkaji lebih bersetuju dengan pendirian George Coedes, dan juga para sarjana lain seperti Nilakanta Sastri, Andaya dan Nik Hassan Shuhaimi, bahawa pusat pemerintahan Srivijaya terletak di Palembang. Pertama, semua prasasti Srivijaya sekitar tahun 682-686 M telah ditemukan di Palembang atau sekitar Palembang meyakinkan ramai sarjana bahawa ibu kota Srivijaya terutamanya selepas 683 M terletak di Palembang.<sup>10</sup>

---

<sup>6</sup> Nia Kurnia Sholihat Irfan, *Kerajaan Sriwijaya: Pusat Pemerintahan dan Perkembangannya*, Jakarta: Girimukti Pasaka, 1983, Hlm 12

<sup>7</sup> Untuk pertikaian lanjut Quaritch Wales, lihat Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, “The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity” dalam J. Kathirithamby-Wells and John Villiers (Editors), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, Hlm 61-62

<sup>8</sup> Untuk pertikaian lanjut Profesor Dr Sukmono, lihat Nia Kurnia Sholihat Irfan, *Kerajaan Sriwijaya: Pusat Pemerintahan dan Perkembangannya*, Jakarta: Girimukti Pasaka, 1983, Hlm 20-30

<sup>9</sup> Ibid, Hlm 25

<sup>10</sup> Lihat Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 21, dan lihat juga Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, “The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity” dalam J. Kathirithamby-Wells and John Villiers (Editors), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, Hlm 63

Kedua, tidak ada sumber sejarah yang menerangkan bahawa kerajaan Srivijaya sememangnya pada asalnya terletak strategik dalam laluan pelayaran.<sup>11</sup>

### **Kemunculan Srivijaya Sebagai Kuasa Yang Kuat Pada Abad Ke-7**

Apa yang menarik tentang kerajaan Srivijaya, ialah kemunculan dan perkembangannya yang serba mendadak.<sup>12</sup> I-Tsing orang pertama yang membuat catatan tentang empayar ini menunjukkan bahawa ketika kunjungannya ke Srivijaya pada 671M, Srivijaya telah pun menjadi sebuah pusat intelektual agama Buddha yang hebat. Oleh itu, tahun 671M tidak boleh dianggap sebagai tahun permulaan kewujudan kerajaan Srivijaya ini.<sup>13</sup> George Coedes melihat keupayaan Srivijaya untuk muncul dengan mendadak sebagai sebuah kerajaan maritim pada abad ke-7 antaranya adalah disebabkan oleh kejatuhan kerajaan Funan pada awal abad ke-7 yang membuka ruang untuk penduduk sekitar muara Sumatera membangunkan semula kawalan perdagangan antara India dan China.<sup>14</sup> Manakala menurut O.W. Wolters kemunculan Srivijaya sebagai kuasa yang kuat pada kurun ke-7 adalah disebabkan hubungan istimewanya dengan kerajaan China turun-temurun. Ini dalam dilihat melalui kenyataan Wolters dalam *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*:

“Apa yang pasti, perkembangan perdagangan antarabangsa dengan kerajaan China, dalam abad ketujuh mengakibatkan pemusatan semula kuasa laut Melayu di bawah Raja Srivijaya, yang memerintah dari pelabuhan pusatnya, Palembang”<sup>15</sup>

Kenyataan Wolters ini yang melihat hubungan dengan China merupakan penyumbang dominan kemunculan Srivijaya pada abad ke-7 akan menjadi tema utama tulisan pengkaji.

---

<sup>11</sup> Nia Kurnia Sholihat Irfan, *Kerajaan Sriwijaya: Pusat Pemerintahan dan Perkembangannya*, Jakarta: Girimukti Pasaka, 1983, Hlm 26

<sup>12</sup> O. W. Wolters, *Perdagangan Awal Indonesia: Satu Kajian Asal Usul Kerajaan Srivijaya* (Koesalah Soebagyo Toer, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989, Hlm 1

<sup>13</sup> Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, “The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity” dalam J. Kathirithamby-Wells and John Villiers (Editors), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, Hlm 64

<sup>14</sup> George Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, (Walter F. Vella, Editor, Susan Brown Cowing, Translator), Honolulu: East West Center Press, 1968, Hlm 81

<sup>15</sup> O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*, (Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khatra, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, Hlm 2

Kenyataan Wolters ini tidak boleh dipersetujui sepenuhnya. Ini kerana, walaupun hubungan diplomatik dengan kerajaan China ini memainkan peranan<sup>16</sup> dalam perkembangan sejarah Srivijaya sebagai sebuah empayar maritim yang masyhur, hubungan diplomatik tersebut tidak mungkin akan berlaku tanpa kearifan tempatan kerajaan Srivijaya itu sendiri. Dalam *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Meneliti Khazanah Sastera, Bahasa dan Ilmu*, kearifan tempatan ditakrifkan sebagai sesuatu yang unik, dan khas berdasarkan sesuatu kumpulan di tempat tertentu. Kearifan tempatan memperlihatkan fokus terhadap kepakaran masyarakat tempatan dan juga memperlihatkan kebijaksanaan orang tempatan dalam memanfaatkan persekitarannya bagi kelangsungan kehidupan.<sup>17</sup>

Oleh itu, walaupun dengan menggunakan sumber-sumber yang terbatas, pengkaji akan berusaha untuk membuktikan satu sudut pandang yang selalu diabaikan oleh para sarjana apabila menulis tentang pensejarahan Srivijaya ini<sup>18</sup>, iaitu bagaimana sebenarnya kearifan tempatan inilah yang membawa kepada kemunculan kerajaan Srivijaya pada abad ke-7 seterusnya menjadi penyumbang utama kepada perkembangan kerajaan Srivijaya sebagai sebuah empayar maritim yang kuat dan masyhur selama hampir 600 tahun.

### **Hubungan Diplomatik dengan Kerajaan China dan Perkaitannya dengan Kearifan Tempatan**

Sejarah perhubungan diplomatik atau juga dikenali sebagai perdagangan ufti antara kerajaan kelautan terawal sebelum Srivijaya dengan kerajaan China telah diperihalkan dengan terperinci oleh O. W. Wolters dalam karyanya *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*.

---

<sup>16</sup> Peranan yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah dari sudut sumber-sumber China yang banyak menunjukkan hubungan antara Srivijaya dengan kerajaan China, sama ada dari segi rekod Dinasti perdagangan ufti mahupun catatan pengembara Buddha seperti I-Tsing, para sarjana umumnya menerima tentang peranan hubungan dengan China, lihat Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 25

<sup>17</sup> Rahimah A. Hamid, Mohd Kipli Abdul Rahman dan Nazarudin Zainun (peny.), *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Meneliti Khazanah Sastera, Bahasa dan Ilmu*, Jilid 3, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2013, Hlm vii-xi

<sup>18</sup> Pengkaji membuat rumusan berdasarkan tulisan Kenneth R.Hall, *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*, Honolulu: University of Hawaii Press, 1985, Hlm 78-102

Secara ringkasnya, pengkaji boleh merumuskan bahawa hubungan yang terjalin tersebut sebenarnya memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak sama ada penaung iaitu kerajaan China, atau negeri naungan. Bagi negeri naungan, mereka tertarik dengan kuasa moral, martabat atau *'te'* yang dimiliki oleh kerajaan China sehingga sanggup menghadapi bahaya laut bagi menghantar ufti demi menyanjung martabat (*te*) diraja.<sup>19</sup> Naungan yang diberikan oleh kerajaan China selain dianggap melindungi perjalanan mereka ke China, pemerintah Melayu juga memperoleh pengaruh dan sokongannya itu dalam dunia Melayu.<sup>20</sup>

Menariknya, bagi kerajaan China pula, penghantaran ufti dilihat sebagai satu tanda yang menunjukkan jalan perkapalan adalah terbuka<sup>21</sup> sehingga Shen Yueh dan Hsiao, penyusun *Sung-shu* dan *Nan Ch'i-shu* yang hidup dalam zaman Dinasti Selatan menegaskan bahawa perdagangan yang menguntungkan berlaku apabila rombongan-rombongan itu mula datang<sup>22</sup> Maharaja China juga memerlukan negara naungan disebabkan terdedahnya jalan-jalan perkapalan kepada para lanun. Tambah Wolters "adalah diharapkan negara itu dapat menjaga keamanan di lautan bagi pihak Maharaja China"<sup>23</sup> Andaya juga memberikan pandangan bahawa disebabkan kapal-kapal China tidak belayar sendiri<sup>24</sup> ke luar negeri sebelum abad ke-8 dan 9, maka kerajaan China memerlukan sebuah pelabuhan entrepot antarabangsa di kepulauan Melayu yang menjadi transit kargo barangan bernilai Parsi yang melalui laut melintasi dari Teluk Bengal, sebelum ke China.<sup>25</sup>

Pemerihalan tersebut pada pendapat pengkaji, membuktikan bahawa tidak semua kerajaan yang menghantar ufti ke negara China boleh diiktiraf sebagai negeri naungan dan

---

<sup>19</sup> O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*, (Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khatra, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, Hlm 26-27

<sup>20</sup> Ibid, Hlm 4

<sup>21</sup> Perkataan t'ung (terbuka) adalah berlawanan dengan perkataan ke-chueh (tertutup) yang membawa maksud laut itu berbahaya dan mempunyai ciri tidak selamat. Lihat, Ibid Hlm 25

<sup>22</sup> Ibid, Hlm 27

<sup>23</sup> Ibid, Hlm 29

<sup>24</sup> Menurut Andaya, Kapal-kapal China tidak belayar sendiri kerana tidak menganggap diri mereka sebagai pedagang. Lihat Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 19

<sup>25</sup> Ibid, Hlm 19

memiliki hubungan rasmi dengan China. Kerajaan tersebut perlulah terlebih dahulu dilihat oleh kerajaan China, sebagai sebuah kerajaan yang kuat, berupaya untuk mengawal keamanan laluan perdagangan dan juga mempunyai semua kelebihan sebagai sebuah pelabuhan entrepot antarabangsa seperti hasrat Maharaja China. Seperti yang dikatakan oleh Andaya:

“Tang dynasty records show that across the Melaka Straits and on the Peninsula’s east coast other kingdom had develop. Like Srivijaya, their ruler was clearly aware of the importance of cultivating good relations with China. By the sixth century, Langkasuka was sending envoys to the Chinese emperor, and was well known in China as a religion centre. Approaches to China also came from Chitu, the ‘Red-earth Land. The Chinese did not by any means regard these places as insignificant.”<sup>26</sup>

Ini menjadi satu bukti signifikan, bagaimana sebenarnya hubungan istimewa Srivijaya dengan kerajaan China ini, tidak mungkin terjalin tanpa kearifan pemerintah Srivijaya yang terlebih dahulu telah pun menjalankan pelbagai strategi dalaman bagi mengukuhkan kerajaannya sehingga mendapat perhatian dan pengiktirafan kerajaan China. Kearifan tempatan Srivijaya juga menyedari kelebihan yang dimiliki sebagai negeri naungan China sekali gus mengiktiraf Maharaja Cina sebagai kuasa tertinggi dalam menjamin keuntungan perdagangan yang berterusan. Ini kerana kerajaan China pada ketika itu tidak membenarkan perdagangan swasta di mana barang-barang dari seberang laut hanya diterima melalui perdagangan ufti.<sup>27</sup>

Bukti kedua yang memperlihatkan terserlahnya kearifan tempatan Srivijaya seterusnya dapat dilihat menerusi *The Indianized States of Southeast Asia*. Menurut George Coedes, kunjungan pertama dari Srivijaya ke China yang mempunyai bukti kukuh ialah pada 695M.<sup>28</sup> Di samping itu, kunjungan utusan China ke Srivijaya pada 683M pula menunjukkan kerajaan tersebut telah mempunyai hubungan rasmi dengan China. Jika kita bandingkan kenyataan

---

<sup>26</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 22

<sup>27</sup> Ibid, Hlm 25

<sup>28</sup> Sebelum kunjungan ini, hanya anggapan sahaja yang ada bahawa kunjungan utusan Srivijaya ke China telah bermula dalam tempoh 670M – 673M, Lihat George Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, (Walter F. Vella, Editor, Susan Brown Cowing, Translator), Honolulu: East West Center Press, 1968, Hlm 83-84

tersebut dengan catatan I-Tsing bermula 671 M-685M, kita akan dapati bahawa kerajaan Srivijaya yang digambarkan oleh I-Tsing adalah sebuah kerajaan yang sudah mempunyai satu sistem pemerintahan yang stabil sehingga menjadi pusat intelektual keagamaan, malah telah mula ada misi penaklukan Kedah dan Malayu.<sup>29</sup> Satu persoalan yang boleh dilontarkan di sini ialah, adakah hanya dengan beberapa utusan rasmi antara Srivijaya dan China ini, boleh membantu kemunculan kerajaan Srivijaya seperti yang digambarkan oleh I-Tsing? Pada pengkaji, tentunya tidak. Terdapat kearifan pemerintahan Srivijaya itu sendiri yang mendorong kemunculannya sebagai sebuah kerajaan kelautan yang kuat pada abad ke-7.

Seterusnya, menurut Coedes, 702M, 716M, dan 724M ufti di hantar atas nama *Shih-li-t'o-lo-pa-mo* (Sri Indra Varman) dan pada tahun 728M dan 742M ufti di hantar atas nama Raja *Liu-t'eng-wei-kung*<sup>30</sup> Kemudian, penghantaran ufti terhenti sehinggalah ia mula dihantar semula pada akhir abad ke 10 dan permulaan abad ke 11.<sup>31</sup> Jika dilihat, kerajaan Srivijaya tidaklah sentiasa menghantar ufti ke China. Walaupun ada sarjana yang melihat ini disebabkan pergolakan dalaman di China, pengkaji bersetuju dengan Andaya yang melihat “The failure to send missions may simply indicate a healthy local trade and freedom from external or internal threats, eliminating any need to court China favours”<sup>32</sup> Sebenarnya Wolters juga berpendapat:

“Tidak setiap utusan dapat dianggap membantu perniagaan. Apabila kerajaan dagang itu tidak selalu mengirimkan utusannya, tidak dapat pula disimpulkan bahawa perdagangannya dengan China sedang merosot. Kan-t'o-li pada abad ke 5 merupakan satu-satunya kerajaan niaga yang dapat dikenali, namun jarang sekali raja-rajanya mengirim utusan ke negeri China. Ini disebabkan ia sudah begitu kuat hingga ia tidak perlu mengingatkan orang China untuk melindunginya”<sup>33</sup>

---

<sup>29</sup> Nia Kurnia Sholihat Irfan, *Kerajaan Sriwijaya: Pusat Pemerintahan dan Perkembangannya*, Jakarta: Girimukti Pasaka, 1983, Hlm 21-22

<sup>30</sup> George Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, (Walter F. Vella, Editor, Susan Brown Cowing, Translator), Honolulu: East West Center Press, 1968, Hlm 83-84

<sup>31</sup> O. W. Wolters, *Perdagangan Awal Indonesia: Satu Kajian Asal Usul Kerajaan Srivijaya* (Koesalah Soebagyo Toer, Penerjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989, Hlm 6

<sup>32</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 19

<sup>33</sup> Kelenyapan Kan-t'o-li pada abad ke 7 tidak diketahui, namun sarjana menganggap ia sebagai pendahulu/nama yang lebih tua untuk kerajaan Srivijaya. Lihat O. W. Wolters, *Perdagangan Awal Indonesia: Satu Kajian Asal Usul Kerajaan Srivijaya* (Koesalah Soebagyo Toer, Penerjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989, Hlm 208-222

Pandangan tersebut pada pengkaji membuktikan bagaimana sebenarnya terdapat penyumbang bersifat dalaman iaitu kearifan tempatan Srivijaya dan bukannya semata-mata kerana kewibawaan kerajaan China itu yang telah membawa kepada pengekalan kerajaan Srivijaya ini sebagai sebuah kerajaan kelautan yang masyhur selama 600.

### **Kearifan Tempatan sehingga Srivijaya Menjadi Pusat Keintelektualan**

Andaya dalam *A History of Malaysia*, mengakui bahawa salah satu penyumbang kepada kehebatan kerajaan Srivijaya ialah disebabkan kearifan pemerintah Srivijaya mewujudkan sebuah masyarakat yang berbudaya dan bertamadun sehingga dianggap sebagai sebuah pusat keintelektualan. Sumber China menyebut bahawa rakyat Srivijaya mahir dalam ilmu hisab dan sudah pandai menghitung gerhana Matahari dan bulan.<sup>34</sup> Apabila I-Tsing tiba di Srivijaya pada 671M dan tinggal selama 6 Bulan untuk mendalami agama Buddha dan mempelajari Bahasa Sanskrit, kerajaan ini sudah pun mempunyai sistem sosiopolitik dan budaya yang teratur dan sudah diiktiraf sebagai pusat pembelajaran bahasa Sanskrit dan agama Buddha yang terbaik di Asia Tenggara.<sup>35</sup> I-Tsing mendapati terdapat 1000 orang sami Buddha berada di Srivijaya semasa beliau singgah di sana I-Tsing ada menyebut bahawa sesiapa yang hendak ke Nalanda, India untuk mendalami ajaran Buddha, hendaklah terlebih dahulu mempelajari bahasa Sanskrit di Srivijaya.<sup>36</sup> Setelah Srivijaya menjadi sebuah kuasa entrepot yang masyhur, dengan kekayaan yang dimiliki kerana perdagangan, pemerintah Srivijaya membiayai yayasan agama untuk pengkajian agama seperti Kuil di Tao, Canton<sup>37</sup> dan pembinaan semula pertapaan Buddha di Nalanda, India<sup>38</sup> Huraian Srivijaya sebagai Pusat

---

<sup>34</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 26-27

<sup>35</sup> Ibid

<sup>36</sup> George Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, (Walter F. Vella, Editor, Susan Brown Cowing, Translator), Honolulu: East West Center Press, 1968, Hlm 80-83

<sup>37</sup> Menurut prasasti Canton yang diukir pada 1079, tidak kurang dari 600000 kepingan emas telah didermakan oleh Raja Palembang bagi membaiki dan menyelenggarakan sebuah rumah berhala Tao di Canton, Lihat O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*, (Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khatra, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, Hlm 16

<sup>38</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 26-27



Agama Buddha ini sebenarnya berupaya untuk memperlihatkan kearifan tempatan seperti dikatakan Andaya sebagai “This kind of adaptation indicates that local people themselves played an important role in spreading Indian cultural ideas beyond entrepots where the connections with outsider was most pronounced.”<sup>39</sup> Kearifan tempatan memanfaatkan proses ‘Indianisasi’ ini boleh dilihat kelak dalam sistem pentadbiran Srivijaya serta bagaimana ia menggunakan ideologi bersifat ketuhanan dalam memelihara hubungannya dengan rakyat.

### **Kearifan Tempatan dalam Penyusunan Sistem Pentadbiran**

Catatan I-Tsing yang menggambarkan Srivijaya pada 671 M sebentar tadi, malah kejayaan Srivijaya menjadi sebuah kerajaan yang dominan sehingga mendapat pengiktirafan Maharaja China, pada awal abad ke-7 membuatkan pengkaji bersetuju dengan kenyataan Nik Hassan Shuhaimi, iaitu pembinaan kerajaan kelautan yang stabil ini tidak mungkin dicapai dalam masa yang singkat. Ia telah mengambil masa berabad-abad untuk proses penyesuaian dan perubahan sehingga sampai ke tahap organisasi menjadi teratur.<sup>40</sup> Inskripsi Telaga Batu yang memberikan satu sisi pandangan bagaimana sistem pentadbiran Srivijaya ini dijalankan<sup>41</sup> boleh dijadikan sebagai satu pembuktian bagaimana kearifan tempatan ini mempunyai peranan utama. Berdasarkan terjemahan yang dilakukan oleh J.G de Casparis, *kedatuan* yang berperanan sebagai pusat kerajaan, dibahagikan kepada beberapa *mandala* iaitu wilayah atau daerah pentadbiran. Setiap *mandala* ini, ditadbir oleh seorang datu. Pelantikan datu adalah dalam kalangan anak-anak Raja atau Pembesar dan Bangsawan. Datu dibantu oleh *parvanda* yang bertanggungjawab menguruskan urusan ketenteraan.<sup>42</sup> Menurut J.G de Casparis, walaupun wilayah-wilayah di bawah penguasaan datu-datu yang dianggap gabenor Wilayah

---

<sup>39</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 18

<sup>40</sup> Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, “The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity” dalam J. Kathirithamby-Wells and John Villiers (Editors), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, Hlm 64

<sup>41</sup> Ibid, Hlm 66

<sup>42</sup> Ibid, Hlm 76

ini tidak ditafsirkan dengan jelas, kewujudan kuasa-kuasa kecil dalam kawasan pemerintahan Raja tidak boleh dinafikan.<sup>43</sup>

Dalam organisasi politik dan sosial pula, terdapat dua kelas yang dominan. Kelas pertama terdiri daripada kerabat Diraja. Kedudukan setiap seorang daripadanya ditentukan berdasarkan hierarki tertentu yang telah ditubuhkan<sup>44</sup> Manakala kelas kedua, terdiri daripada pelbagai jabatan dan bangsawan seperti, *senapati* iaitu Komander Tentera dan seperti peranan Laksamana di Melaka, *nayaka* ialah Penghulu Bendahari, *haji pratyaya* ialah Ketua Polis atau seperti Temenggung, *dandanayaka* ialah Ketua Hakim, *murdhaka* ialah Penghulu, *tuha an vatakvurah* merupakan Ketua Urus Perdagangan atau seperti Syahbandar, *adhyaksa nicavarna* ialah Ketua Kasta Rendah dan *kumaramatyia* ialah Orang Kaya<sup>45</sup> Kemudiannya, terdapat juga golongan lain dan kelas artisan seperti *kayastha* iaitu kerani, *sthapaka* iaitu arkitek, *puhavam* iaitu nakhoda, *vaniyaga* iaitu pedagang, *pratisara* iaitu Komander, *vasikarana* iaitu pemotong, *marsi haji* ialah pembersih Istana dan *hulun haji* yang merupakan pelayan Istana atau hamba Raja.<sup>46</sup> Kewujudan kelas masyarakat perdagangan mengesahkan pentingnya peranan Srivijaya sebagai kerajaan maritim.

Pada pengkaji, berdasarkan susunan politik dan sosial tersebut, ia membuktikan kearifan tempatan yang mempunyai sistem organisasi masyarakat yang teratur dapat membantu kelancaran pentadbiran dalaman sehingga membolehkan Raja Srivijaya menumpukan perhatian kepada kekuatan ketenteraan, misi peluasan kuasa, seterusnya bagi mengangkat Srivijaya sebagai sebuah pelabuhan entrepot antarabangsa yang masyhur.

---

<sup>43</sup> O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*, (Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khatra, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, Hlm 14

<sup>44</sup> Contohnya seperti pengkelasan Putera Raja, lihat Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, "The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity" dalam J. Kathirithamby-Wells and John Villiers (Editors), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, Hlm 76

<sup>45</sup> Ibid, Hlm 76-77

<sup>46</sup> Ibid

## Kearifan Tempatan dalam Pemantapan Ideologi Daulat Derhaka

Hubungan antara pemerintah Srivijaya dengan rakyatnya dibentuk melalui kepercayaan raja Srivijaya mempunyai kuasa luar biasa (daulat) sakti, jelmaan dewa.<sup>47</sup> Tambah Nik Hassan Shuhaimi “the cult of Amoghapasa, Bhairava and Heruka may be related to this concept, and may thus have strengthen the belief that rulers possessed divine concepts”<sup>48</sup> Ini dibuktikan lagi dengan penemuan lima buah prasasti persumpahan iaitu prasasti Telaga Batu<sup>49</sup>, Kota Kapur<sup>50</sup>, Karang Berahi<sup>51</sup>, Palas Pasemah<sup>52</sup> dan Bawang<sup>53</sup>. Daripada kelima buah prasasti tersebut, hanya satu yang bertarikh iaitu prasasti Kota Kapur, 686M.<sup>54</sup> Prasasti ini mengandungi kutukan dan ancaman bagi mereka yang menentang atau tidak mahu berbakti kepada raja Srivijaya. Perkataan ‘derhaka’ banyak kali ditemui dalam prasasti yang membawa maksud pengkhianatan kepada raja dan kesalahan yang tidak boleh diampunkan. Ia terdiri jampi serapah yang luar biasa panjangnya, diiringi dengan meminum ‘air kutukan; iaitu air yang harus diminum oleh hamba raja untuk memberikan jaminan kepatuhan mereka<sup>55</sup> Inskripsi Telaga Batu mengatakan “Jika kamu berlaku khianat, bersubahat dengan orang-orang yang berhubungan dengan musuh-musuh ku, ataupun jika kamu mengintip untuk musuh ku, kamu akan mati dengan sumpahan ini”<sup>56</sup> Wolters menganggap prasasti ini ditulis apabila pemerintah Srivijaya berjaya menyatukan dan menawan kawasan-kawasan baru.<sup>57</sup>

---

<sup>47</sup> Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, “The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity” dalam J. Kathirithamby-Wells and John Villiers (Editors), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, Hlm 78

<sup>48</sup> Ibid

<sup>49</sup> Ditemukan pada tahun 1935 di Telaga Batu, Palembang. Terdiri daripada 28 baris, dihiasi gambar ular naga berkepala tujuh

<sup>50</sup> Ditemukan pada Disember 1892 di Kota Kapur, daerah Pangkal Mundo, pantai barat pulau Bangka, terdiri dari 10 baris

<sup>51</sup> Ditemukan pada tahun 1904, di Karang Berahi, Jambi, terdiri daripada 16 baris.

<sup>52</sup> Ditemukan pada tahun 1957 di desa Palas Pasemah, sebelah utara Kalianda, Lampung Selatan, terdiri daripada 13 baris namun baris satu hingga tiga, hilang.

<sup>53</sup> Ditemukan pada 1979 di daerah Bawang, Kecamatan Balik Bukit, Lampung Utara, terdiri daripada 19 baris.

<sup>54</sup> Nia Kurnia Sholihat Irfan, *Kerajaan Sriwijaya: Pusat Pemerintahan dan Perkembangannya*, Jakarta: Girimukti Pasaka, 1983, Hlm 53-54

<sup>55</sup> O. W. Wolters, *Perdagangan Awal Indonesia: Satu Kajian Asal Usul Kerajaan Srivijaya* (Koesalah Soebagyo Toer, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989, Hlm 3

<sup>56</sup> Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, “The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity” dalam J. Kathirithamby-Wells and John Villiers (Editors), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, Hlm 78

<sup>57</sup> O. W. Wolters, *Kejatuhan Sriwijaya Dalam Sejarah Melayu*, (Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khatra, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, Hlm 14

Pada pengkaji, isi kandungan prasasti-prasasti tersebut menunjukkan bagaimana kearifan tempatan pemerintah Srivijaya dalam mengukuhkan kuasa dan kedudukannya melalui penerapan ideologi konsep daulat dan derhaka bagi menjamin kesetiaan rakyatnya, sekali gus menjamin kestabilan kuasanya.

### **Kearifan Tempatan Melalui Hubungan Simbiotik dengan Orang Laut**

Jika dilihat sejarah Orang Laut ini, mereka juga dikenali sebagai lanun. Penempatan orang laut adalah di pulau-pulau dan muara-muara laut, hidup secara nomad. Orang Laut mempunyai amalan tradisi menyerang kapal kerana melihat kapal-kapal yang lalu di perairan sebagai satu sumber ekonomi kepada mereka. Ini menjadikan laluan perairan bahaya. Pengembara Cina Buddhis Fa Hsien mengatakan setelah belayar ke India pada 418 M, lautan-lautan yang dilaluinya penuh dengan lanun-lanun. Kearifan pemerintah Srivijaya terserlah apabila berjaya mengawal lanun di perairan sekitarnya setelah mendapatkan kesetiaan Orang Laut.<sup>58</sup> Menurut catatan orang Arab, tiada kegiatan perlaunan di kepulauan ini dalam era Srivijaya dan ini menunjukkan kekuasaan Raja Srivijaya di Gugusan Kepulauan Riau Lingga.<sup>59</sup> Orang Laut melindungi laut Srivijaya dari penyerang dan musuh lain dan apabila perairan menjadi selamat, ia telah meningkatkan lagi daya tarikan Srivijaya dimata pedagang asing.

Menurut Andaya, orang Laut mahir mendayung, mempunyai pengetahuan tentang selok-belok beting karang dan beting pasir yang berbahaya, mempunyai ilmu tentang keadaan angin tempatan yang membolehkan mereka bersiap sedia akan kedatangan pedagang dari luar sehingga mereka dijadikan anak-anak kapal Srivijaya. Selain itu, hanya orang Laut yang dapat mencari sumber laut yang bernilai dalam pasaran perdagangan China seperti akar bahar dan teripang yang banyak digunakan sebagai renciah masakan Cina serta untuk tujuan perubatan.

---

<sup>58</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 26

<sup>59</sup> O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*, (Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khatra, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, Hlm 16

Tanpa kemahiran berenang mereka pula, mustahil untuk mengeluarkan sumber laut ini dari dasar lautan. Mereka juga dianggap boleh menyelam tanpa menutup mata.<sup>60</sup> Melihat kepada kelebihan ini, kearifan pemerintah Srivijaya menjadikan orang Laut sebahagian daripada rakyat Srivijaya, malah diberikan jawatan penting seperti anak kapal dan pasukan tentera<sup>61</sup> merupakan percaturan yang bijak dalam menjamin kesetiaan orang Laut terhadap Srivijaya.

### **Kearifan Tempatan dalam Misi Perluasan Kuasa**

Pelabuhan asal Srivijaya iaitu Palembang, terletak kurang strategik sehingga ia jarang disinggahi kapal-kapal dagang. Yang sering singgah hanyalah pendeta Cina untuk urusan keagamaan seperti dilakukan I-Tsing.<sup>62</sup> Sebab itu, pada akhir abad ke-7, kerajaan Srivijaya melancarkan usaha perluasan wilayah dengan menakluki negeri-negeri yang strategik, agar Srivijaya dapat menguasai lalu lintas perdagangan di Selat Melaka<sup>63</sup> Ini merupakan salah satu kearifan pemerintah yang akhirnya membawa kepada perluasan wilayah Srivijaya.

Menurut Nik Hassan Shuhaimi, untuk menjalankan dasar perluasan kuasa di Semenanjung Tanah Melayu dan di Sumatera, Srivijaya terlebih dahulu perlu mengukuhkan ketenteraannya. Pada 683M, pemerintah Srivijaya telah pun mempunyai satu pasukan tentera seramai 20,000 yang terdiri daripada tentera dan para pengikutnya yang kebanyakannya terdiri daripada orang laut.<sup>64</sup> Selain mahir dalam pelayaran, orang Laut juga mempunyai kekuatan dari segi pasukan perang mereka sehingga menjadi tulang belakang angkatan laut<sup>65</sup> Chou Ch'u-fei mengatakan bahawa dalam sesuatu peperangan sama ada di daratan atau di laut, tidak

---

<sup>60</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 14-15

<sup>61</sup> Ibn Rosten juga ada menyebut tentang Harladj<sup>61</sup>, seorang pegawai kerajaan Srivijaya yang merupakan ketua angkatan tentera Raja, lihat O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*, (Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khatra, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, Hlm 13

<sup>62</sup> Nia Kurnia Sholihat Irfan, *Kerajaan Sriwijaya: Pusat Pemerintahan dan Perkembangannya*, Jakarta: Girimukti Pasaka, 1983, Hlm 26

<sup>63</sup> Nazarudin Zainun & Nasha Rozaidi Khaw, "Prasasti Berbahasa Melayu Kuno: Analisis Evolusi Aksara dan Tahap Keilmuan Melayu" dalam Rahimah A. Hamid, Mohd Kipli Abdul Rahman dan Nazarudin Zainun (peny.), *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Meneliti Khazanah Sastera, Bahasa dan Ilmu*, Jilid 3, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2013, Hlm 88

<sup>64</sup> Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, "The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity" dalam J. Kathirithamby-Wells and John Villiers (Editors), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, Hlm 65

<sup>65</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 26

ada yang lebih handal daripada penduduk Srivijaya.<sup>66</sup> Prasasti Kota Kapur 686 M juga menyentuh soal peperangan yang akan dilakukan terhadap *bhumi Java*<sup>67</sup> yang belum tunduk kerajaan Srivijaya. J.G de Casparis menganggap seperti perkara jampi serapah yang magis itu, peperangan ini merupakan sebahagian daripada usaha raja untuk mempertahankan kerajaan yang baru dimenangnya.<sup>68</sup> Tujuan ekspedisi itu boleh jadi untuk membuat kejutan terhadap sebuah pusat perdagangan saingannya di Jawa Barat.<sup>69</sup>

Catatan I-Tsing yang pernah singgah selama dua bulan di *Mo-la-yu* (Jambi)<sup>70</sup> pada tahun 671, menunjukkan antara tahun 689 sehingga 692 Kedah dan *Mo-lo-yu* telah ditakluki oleh Srivijaya. Perluasan kuasa politik Srivijaya terhadap kerajaan Semenanjung sedia ada seperti Langkasuka<sup>71</sup> dan Tambralinga selain bertujuan untuk memperkukuhkan kawalan perdagangan Srivijaya, ia juga bertujuan dijadikan sumber bekalan makanan termasuk beras. Tambralinga antara kerajaan di Semenanjung yang dikenali mampu menghasilkan sumber bekalan makanan melebihi keperluan tempatannya.<sup>72</sup>

### **Kearifan Tempatan Dalam Menjadikan Srivijaya Sebuah Entrepot Antarabangsa**

Kearifan tempatan yang dilihat dalam aspek-aspek sebelum ini menjadi penyumbang penting mengangkat kedudukan Srivijaya sebagai pelabuhan entrepot yang masyhur. Seorang Raja Srivijaya telah menulis kepada Maharaja Sung dalam tahun 1097, dan menggelar dirinya

---

<sup>66</sup> O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*, (Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khatra, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, Hlm 13

<sup>67</sup> Boechari melokasikan Bumi Jawa ini di daerah Lampung dan rupa-rupanya ia bukan Jawa seperti yang dicadangkan oleh sarjana lain. Lihat Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, "The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity" dalam J. Kathirithamby-Wells and John Villiers (Editors), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, Hlm 67

<sup>68</sup> O. W. Wolters, *Perdagangan Awal Indonesia: Satu Kajian Asal Usul Kerajaan Srivijaya* (Koesalah Soebagyo Toer, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989, Hlm 3-4

<sup>69</sup> Ibid, Hlm 287

<sup>70</sup> Menurut Nazarudin Zainun, lokasi Mo-lo-yeu dilakarkan oleh pakar di daerah Jambi (Sumatera). Lihat Nazarudin Zainun & Nasha Rozaidi Khaw, "Prasasti Berbahasa Melayu Kuno: Analisis Evolusi Aksara dan Tahap Keilmuan Melayu" dalam Rahimah A. Hamid, Mohd Kipli Abdul Rahman dan Nazarudin Zainun (peny.), *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Meneliti Khazanah Sastera, Bahasa dan Ilmu*, Jilid 3, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2013, Hlm 88

<sup>71</sup> Berdasarkan sumber-sumber China pada abad ke-7, empayar Langkasuka yang di bawah jajahan Srivijaya ini termasuklah muara Sungai Terengganu, Kedah, Kelantan, Patani, Telubin dan Senggora.

<sup>72</sup> Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, "The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity" dalam J. Kathirithamby-Wells and John Villiers (Editors), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, Hlm 64

sebagai “the king of the ocean land”. Hsin T’ang-sun pula mengatakan Srivijaya terdiri daripada 14 kota manakala Masudi dalam abad yang sama, mendapat tahu bahawa pelayaran melawat semua pulau dalam kerajaan itu mengambil masa dua tahun.<sup>73</sup> Pegawai China yang menulis pada tahun 1178 mengatakan bahawa Srivijaya merupakan pelabuhan terpenting di laluan laut pedagang asing dari negara-negara Jawa di Timur dan negara-negara Arab dan Quilon (di Pantai Malabar) di Barat, mereka semua melewatinya dalam perjalanan ke china<sup>74</sup> Ibn Rosten, dalam tahun 903, percaya bahawa tidak ada raja yang lebih kaya, kuat, atau menerima lebih banyak pendapatan daripada Raja Srivijaya. Sumber utama kekayaannya berpunca daripada pelabuhan dan bayaran cukai perdagangan pedagang-pedagang pelbagai negara yang menggunakan perkhidmatan entrepot di ibu negeri pemerintah. Masudi pada 955 menyatakan bahawa ‘Raja yang memerintah pulau-pulau ini memiliki lebih banyak minyak wangi dan rempah dari mana-mana raja lain.’<sup>75</sup>

Petikan Andaya di bawah menghuraikan dengan jelas keistimewaan entrepot Srivijaya:

“In this favourable commercial environment an entrepot economy would have been readily established. Here, in the lull between the monsoons, exotic cargoes from the overseas could be unloaded-pearls, frankincense, rose-water, gardenia flowers, myrrh, amber, silks, brocades. Here local products could be sorted, graded, blended and loaded, with the surplus stored for other buyers. Here could be found the array of skills necessary to refit and provision ships for the voyage home. In sum, Srivijaya could well satisfy the demands of an international market”<sup>76</sup>

Tambah Nik Hassan Shuhaimi, keistimewaan pelabuhan Srivijaya bukan hanya berfungsi sebagai entrepot tetapi juga berfungsi sebagai ‘collecting centres’ dan ‘feeder point’.<sup>77</sup>

---

<sup>73</sup> O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*, (Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khatra, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, Hlm 9

<sup>74</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 26

<sup>75</sup> O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*, (Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khatra, Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, Hlm 15

<sup>76</sup> <sup>76</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Second Edition, Basingstoke: Palgrave, 2001, Hlm 25

<sup>77</sup> Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, “The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity” dalam J.

Kathirithamby-Wells and John Villiers (Editors), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, Hlm 64

## **Penutup**

Secara holistiknya, pengkaji berpendapat bahawa walaupun hubungan diplomatik dengan kerajaan China memainkan peranan dalam perkembangan sejarah Srivijaya sebagai sebuah empayar maritim yang masyhur, hubungan diplomatik tersebut tidak mungkin akan berlaku tanpa kearifan tempatan kerajaan Srivijaya itu sendiri. Kearifan tempatan ini boleh dilihat dari sudut Srivijaya yang berperanan sebagai Pusat Keagamaan, kemudian penyusunan sistem pentadbiran yang sistematik, pemantapan ideologi daulat derhaka, kebijaksanaan pemerintah menjalankan hubungan simbiotik dengan orang laut, seterusnya kearifan dalam menjalankan misi perluasan kuasa bagi menampung bekalan sumber sekali gus untuk mengawal laluan utama perdagangan yang akhirnya berjaya menjadikan Srivijaya sebagai sebuah entrepot antarabangsa yang berkekalan selama 600 tahun.